

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, November 15, 2018 11:46 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Anak Pembantu Operasi SOC Terima Ijazah BIBM Kelas Pertama



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

15 NOVEMBER 2018 / 07 RABIULAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Ihsan Nurul Atira Ariffin

ANAK PEMBANTU OPERASI SOC TERIMA IJAZAH BIBM KELAS PERTAMA



UUM ONLINE: Anak Pembantu Operasi UUM, Nurul Atira Ariffin, 26, membuktikan usaha gigihnya belajar selama hampir empat tahun di universiti ini tidak sia-sia apabila menerima ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa (Kelas Pertama) pada sesi ketujuh Majlis Konvokesyen Ke-31 UUM.

Anak kepada Ariffin Aziz, Pembantu Operasi di Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) itu berkata, dia sangat komited dan tegas apabila melibatkan tugas atau waktu ulang kaji pelajaran.

Menurutnya, ketika di dalam kuliah, dia lebih suka menyalin semula nota yang disediakan oleh pensyarah bagi memudahkannya untuk mengingat dan menghafal.

"Saya juga suka berbincang dengan kawan-kawan, malah jika ada kesempatan saya akan mengajar mereka yang datang meminta tunjuk ajar dan secara tidak langsung ia membantu saya untuk mengingat subjek berkenaan.

"Saya seorang yang tegas apabila melibatkan soal pelajaran, justeru saya menyediakan jadual waktu supaya saya dapat membahagikan masa untuk belajar dan diri sendiri," kata anak sulung daripada empat beradik itu.

Nurul Atira berkata, setiap hari dia meluangkan masa untuk belajar sendirian antara jam 10 malam hingga ke lewat pagi kerana pada sebelah pagi, dia lebih fokus kepada pengajaran di dewan kuliah dan perbincangan kumpulan bersama kawan-kawan.

Menurutnya, dia bersyukur kerana ibu dan bapanya sentiasa memberi sokongan dan tidak memberi tekanan kepadanya untuk tampil cemerlang dalam pelajaran.

"Dorongan mereka dan sikap memahami ini yang mendorong saya untuk menjadi pelajar terbaik dan saya ingin buktikan bahawa saya boleh menjadi contoh baik kepada adik-adik juga.

"Namun, dalam mencapai kejayaan ini, saya juga tidak lari dari melalui cabaran sebagai seorang pelajar antaranya apabila adik pernah terlibat dalam kemalangan yang mana secara tidak langsung turut menjejaskan konsentrasi saya untuk belajar pada tahun lalu, selain terpaksa melakukan tugas rakan walaupun ia adalah projek berkumpulan," katanya yang pernah mendapat kelas pertama Diploma Pemasaran di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Polimas), Jitra.

Nurul Atira kini berada di semester pertama bagi program Sarjana Sains (Perniagaan Antarabangsa) di UUM dan berhasrat untuk melanjutkan pengajiannya sehingga ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) supaya cita-citanya untuk bergelar pensyarah tercapai.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani turut mengucapkan tahniah kepada Ariffin di atas pencapaian cemerlang anaknya, Nurul Atira itu yang bukan sahaja membanggakan keluarga, malah universiti juga.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.